

Malaysia tidak memihak konflik Beijing-Washington

Vladivostok: Malaysia bimbang mengenai ketegangan yang semakin meningkat di antara Amerika Syarikat (AS) dan China tetapi tidak boleh dipaksa untuk memihak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia adalah rakan kongsi penting dalam perdagangan dan pelaburan dengan AS yang secara keseluruhannya masih terbesar.

Bercakap dalam wawancara dengan *RIA Novosti* dan *RT*, katanya, pada masa sama, China adalah juga rakan penting

bagi Malaysia.

"Jadi kami terlibat lebih banyak daripada sebelumnya dalam semua bidang secara menyeluruh," katanya.

Anwar berkata, Malaysia juga tidak berminat untuk berpihak kepada Barat dan menentang Russia kerana negara ini mengekalkan hubungan baik dengan semua pihak,

Mengulas mengapa Malaysia tidak memihak, Anwar berkata Malaysia tidak mahu merumitkan isu itu lebih jauh.

"Maksud saya, niat kami, pendirian kami adalah tentu untuk

mencari penyelesaian, bukan untuk menyokong pihak Barat menentang Russia.

"Apa faedahnya bagi kami? Seperti Amerika Syarikat berbanding China, kami mengekalkan hubungan baik dengan kedua-duanya. Kenapa perlu memaksa kami memihak? Mereka mencipta potensi masalah ini kerana ia adalah sistem yang berbeza," katanya.

Anwar berada di sini untuk menghadiri Forum Ekonomi Timur Ke-9 selain bertemu Presiden Russia, Vladimir Putin.

BERNAMA-SPUTNIK